



KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
Ara 1-7, Blok C4 & C5, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62662 Putrajaya, Malaysia

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION
Level 1-7, Block C4 & C5, Complex C, Federal Government Administrative Centre
62662 Putrajaya, Malaysia

Tel: (603)88550000 FAKS (603)88580070 URL: <http://www.mosti.gov.my>



MOSTI/NOD/IBMD/ANALISIS/2014/13 (25)
2014
13 September 2014

SENARAI WEDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./ Tuan/Puan,

JEMPATAN MENGHADIRI 2ND CORAL TRIANGLE INITIATIVE REGIONAL
BUSINESS FORUM (CTI -RBF 2011) DI THE ROYALE CHULAN, KUALA
LUMPUR PADA 10 HINGGA 11 OKTOBER 2011

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Direktorat Oseanografi Kebangsaan (NOD) akan menganjurkan 2nd Coral Triangle Initiative Regional Business Forum (CTI -RBF 2011) di The Royale Chulan, Kuala Lumpur pada 10 hingga 11 Oktober 2011. Pengeluaran CTI-RBF 2011 adalah dengan kerjasama World Wide Fund for Nature (WWF), United States Agency for International Development (USAID) dan Asian Strategy & Leadership Institute (ASLI).

3. Pengeluaran CTI -RBF 2011 adalah salah satu program kesinambungan yang penting bagi pelaksanaan CTI, berdasarkan kejayaan dalam mewujudkan pelbagai jalinan kerjasama antarabangsa yang telah dicapai semasa CTI Business Summit yang pertama kali diadakan di Manila, Filipina dari 18 hingga 20 Januari 2010. Pengeluaran CTI-RBF 2011 akan bertindak sebagai platform untuk perkongsian maklumat di mana topik forum dan jaringan kerjasama yang akan membincangkan pelbagai isu dan penemuan. Ianya berkaitan dengan keselamatan makanan, perubahan iklim dan pertumbuhan ekonomi di dalam Pelan Tindakan CTI yang boleh dimanfaatkan oleh semua pihak yang berkepentingan khususnya pengubal dasar, para penggiat industri dan pelabur.

4. Selaras dengan tema yang dicadangkan pada tahun 2011 iaitu *Innovative Solutions Today for Sustainable Resources Tomorrow* amatlah bertepatan dengan MOSTI yang memperkenalkan inovasi sebagai salah satu wadah dalam menjana pertumbuhan ekonomi secara berterusan bagi menyokong pelaksanaan konservasi serta kelestarian sumber marin dan alam sekitar di samping mencapai matlamat yang telah ditetapkan di dalam CTI.

5. Untuk makluman Y.Bhg Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan, yuran penyertaan bagi menyertai CTI - RBF 2011 adalah percuma bagi 2 orang peserta bagi setiap kementerian/agensi/jabatan/bahagian. Sehubungan dengan itu, bersama ini dilampirkan tentatif program (LAMPIRAN 1) untuk makluman dan tindakan pihak Y.Bhg.Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan selanjutnya.

6. Sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas dan pengesahan kehadiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr. Tuan/Puan atau wakil (LAMPIRAN 2) boleh dibuat secara terus kepada NOD pada atau sebelum 19 September 2011 (Isnin) melalui:

a. Puan Raja Saadiah Raja Shariff (saadiah@mosti.gov.my) di talian 03-8885 8206; atau

b. Encik Chidrakantan Subramaniam (schidra@mosti.gov.my) di talian 03 -8885 8207.

Kerjasama dan sokongan pihak Y.Bhg.Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan dalam menjayakan CTI-RBF 2011 ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MALAYSIA INOVATIF, MERAIKAN KREATIVITI"

Saya yang menurut perintah,

(PROF. DR. NOR AIENI HAJI MOKHTAR)
Sekretariat Nasional Inisiatif Segitiga Terumbu Karang (CTI)
Direktorat Oseanografi Kebangsaan (NOD)
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

s.k.

Y.Bhg. Dato' KSU

Y.Bhg. Prof. Dr. Datin Paduka TKSU (S&T)

Y.Bhg. Dato' Dr. TKSU (D&I)

Y. Bhg. Dato' SUBK(P)

Fail Timbul